

Persoalan Berkaitan Subsidi Petrol, Diesel dan LPG

Dalam Analisis Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2022 dinyatakan kerajaan membelanjakan sejumlah RM45 billion untuk subsidi RON95, Diesel, LPG.

Maka ramai Menteri Kerajaan Persekutuan mengambil nilai ini untuk kata subsidi bahan api dalam negara sangat membebankan.

Menteri Ekonomi pula menambah, kerajaan dijangka tanggung subsidi melebihi RM100 billion jika harga petrol, diesel dan elektrik terus dikekalkan.

[Kerajaan dijangka tanggung subsidi minyak lebih RM100 bilion setahun - Rafizi - Sinar Harian](#)

4 Soalan

1) Kenapa figur subsidi minyak berjumlah RM45 billion itu tidak dilaporkan didalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2022 (PKKP) ?

[Portal Rasmi Jabatan Akauntan Negara - Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan](#)

Dalam PKKP tahun 2022 dinyatakan terdapat pembayaran sebanyak RM46 billion dibuat di bawah item “Subsidi dan Bantuan Tunai”, namun tiada tertera di mana-mana berkenaan subsidi petrol. Manakala subsidi-subsidi lain seperti subsidi beras, subsidi gandum dan subsidi nelayan jelas tertera.

Jika dilihat anggaran asal bagi ‘Subsidi dan Bantuan Tunai’ yang diperuntukan pada tahun 2022 adalah berjumlah RM5.27 billion sahaja, tetapi amaun sebenar yang dibayar berjumlah RM46.5 billion. Sangat jauh tersasar daripada amaun asal yang diperuntukan.

The screenshot shows a PDF document titled 'PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2022.pdf'. The page displays the 'Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2022'. A table is shown with the following columns:

| Maksud Perbelanjaan | Anggaran | | | | Sebenar | | (sambungan) |
|---|----------|--------------|---------|--------|---------|----------|-------------|
| | Asal | Tambah/Turun | Viremen | Jumlah | Amaun | Prestasi | |
| PERBELANJAAN BEKALAN - (SAMB.) B.11 PERKHIDMATAN AM PERBENDAHARAAN | RM | RM | RM | RM | RM | % | RM |

File | C:/Users/anaj/Downloads/PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN_2022.pdf 126 / 443 - 150% + ☰

| 020000 BATASAN KENDAHAN DAN LIMBAHAN | | | | | | | |
|--|--|---------------|---|---------------|---------------|-------------------|----------------------------|
| 020100 Eluan Ex-Gratia dan Pemberian Saguhati | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 8,000,000 | - | 134,327 | 8,134,327 | 7,944,662.90 | 97.67 |
| Jumlah 020100 | | 8,000,000 | | 134,327 | 8,134,327 | 7,944,662.90 | 97.67 |
| 020200 Bayaran Balik kepada Sarawak dan Sabah Mengenai Wang Penyerahan dan Tanggungjawab Kewangan Di bawah Hak-hak Tulen | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 5,000 | - | (567) | 4,433 | 4,432.80 | 99.99 |
| Jumlah 020200 | | 5,000 | | (567) | 4,433 | 4,432.80 | 99.99 |
| 020300 Bantuan Bayaran Bunga di atas Pinjaman Syarikat Kemajuan Perumanan Borneo (Sabah) | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 12,000 | - | (2,000) | 10,000 | 7,200.36 | 72.00 |
| Jumlah 020300 | | 12,000 | | (2,000) | 10,000 | 7,200.36 | 72.00 |
| 020400 Bayaran Perkhidmatan | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 450,000,000 | - | (65,789,527) | 384,210,473 | 384,210,472.69 | 99.99 |
| Jumlah 020400 | | 450,000,000 | | (65,789,527) | 384,210,473 | 384,210,472.69 | 99.99 |
| 020500 Subsidi dan Bantuan Tunai | 20000 Perkhidmatan dan Bekalan | 1,600,000 | - | (1,600,000) | - | - | - |
| 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | | 5,271,689,600 | | (559,316,500) | 4,712,373,100 | 46,508,072,624.00 | 986.94 (41,795,699,524.00) |
| Jumlah 020500 | | 5,273,289,600 | | (560,916,500) | 4,712,373,100 | 46,508,072,624.00 | 986.94 (41,795,699,524.00) |
| 020600 Pemberian di bawah Senarai Bersama | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 840,000,000 | - | (54,908,923) | 785,091,077 | 785,036,435.70 | 99.99 |
| Jumlah 020600 | | 840,000,000 | | (54,908,923) | 785,091,077 | 785,036,435.70 | 99.99 |
| 020700 Perbelanjaan Pertukaran Wang/ Penyelarasian Pelaburan | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 50,000,000 | - | (35,333,139) | 14,666,861 | 14,666,860.41 | 99.99 |
| Jumlah 020700 | | 50,000,000 | | (35,333,139) | 14,666,861 | 14,666,860.41 | 99.99 |
| 020800 Bayaran untuk Sektor Strategik | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 207,379,200 | - | 54,195,427 | 261,574,627 | 261,574,626.26 | 99.99 |
| Jumlah 020800 | | 207,379,200 | | 54,195,427 | 261,574,627 | 261,574,626.26 | 99.99 |
| 020900 Subsidi Kadar Faedah kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) | 40000 Pemberian dan Kenaikan Bayaran Tetap | 20,000,000 | - | (20,000,000) | - | - | - |

2) Adakah Kerajaan menggunakan jumlah bantuan tunai dan bantuan wang Covid yang juga merupakan subsidi itu sebagai menggambarkan subsidi petrol dan diesel?

File | C:/Users/anaj/Downloads/PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN_2022.pdf 43 / 443 - 125% + ☰

RENCANA 3:
Prestasi Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19

Mengharungi hampir tiga (3) tahun pandemik COVID-19 sebelum ia akhirnya diisytiharkan sebagai endemik, Kerajaan masih meneruskan usaha tangkas melalui intervensi dasar fiskal yang dibiayai KWC-19. Secara kumulatif, Kerajaan telah membelanjakan RM106,709 juta untuk membiayai pelbagai inisiatif dan program di bawah Akta 830. Perbelanjaan KWC-19 ini antaranya bertujuan untuk memperkasa sektor kesihatan negara, memastikan kelangsungan kehidupan rakyat yang terjejas sumber pendapatan, mengurangkan kesan ekonomi terhadap syarikat khususnya dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan PKS mikro serta memastikan perbelanjaan penggunaan isi rumah tidak terjejas.



Sehingga tahun 2022, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM39,960 juta merangkumi 37.45% daripada jumlah perbelanjaan terkumpul untuk **program bantuan tunai**. Program seperti **Bantuan Prihatin Nasional** dan **Bantuan Prihatin Rakyat** telah diagihkan kepada pemohon yang layak iaitu golongan rakyat berpendapatan rendah menerusi beberapa fasa pemberian bantuan. Bantuan ini sangat penting bagi membantu kelangsungan hidup rakyat dan menyokong permintaan domestik serta secara tidak langsung akan terus memacu pemulihan ekonomi Negara. Di samping itu, aspek sosial melibatkan golongan mudah terjejas turut diberikan bantuan seperti pemberian secara *one off* kepada ibu tunggal, orang kelainan upaya, bantuan makanan dan klinik bergerak. Sehingga Disember 2022, perbelanjaan terkumpul mencatatkan RM11,951 juta atau 11.20%.

| Maksud Perbelanjaan | Siling Keseluruhan | Perbelanjaan sehingga 31.12.2021 |
|---|--------------------|----------------------------------|
| | RM | RM |
| 00100 Program Subsidi Upah, Insentif Pengekalan Pekerjaan dan Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan | 24,275,000,000.00 | 21,932,867,000.00 |
| 00200 Bantuan Prihatin Nasional | 40,040,000,000.00 | 32,049,994,766.35 |
| 00300 Projek Berskala Kecil | 6,200,000,000.00 | 4,323,603,982.23 |
| 00400 Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran | 1,500,000,000.00 | 619,558,236.88 |
| 00500 Pembaikan PKS PENJANA | 180,000,000.00 | - |
| 00600 Geran PRHATIN PKS | 6,000,000,000.00 | 5,991,172,500.00 |
| 00700 Pinjaman Mikro Kredit | 1,410,000,000.00 | 783,533,000.00 |
| 00800 Peruntukan bagi Perbelanjaan Berkaitan COVID-19 | 6,110,000,000.00 | 3,477,146,957.16 |
| 00900 Dana Jaminan Makanan | 660,000,000.00 | 485,602,924.44 |
| 01000 Elaun Khas COVID-19 bagi Barisan Hadapan | - | - |
| 01100 Dana PENJANA Nasional | 600,000,000.00 | 600,000,000.00 |
| 01200 e-PENJANA | 820,900,000.00 | 650,000,000.00 |
| 01300 Diskaun Bil Elektrik | 6,590,000,000.00 | 667,024,338.03 |
| 01400 Tambahan RM100 bagi Bantuan Sara Hidup (BSH) | - | - |
| 01500 Bantuan Khas kepada Pelajar Institut Pengajian Tinggi | 225,100,000.00 | 225,088,999.00 |

3) Adakah kerajaan menggunakan definisi subsidi oleh IMF dan Bank Dunia untuk menggambarkan jumlah subsidi petrol begitu tinggi? Iaitu dengan Kerajaan memasukkan kos lepas (opportunity cost) ke dalam jumlah perbelanjaan subsidi?

Contohnya kerajaan mungkin hanya membuat pembayaran sebenar yang sedikit sahaja (ataupun tiada langsung pembayaran dibuat) kepada syarikat minyak, tetapi perbelanjaan subsidi dikira dengan memasukkan anggaran perbezaan harga petrol dalam pasaran tempatan dengan harga petrol di pasaran antarabangsa. Kalau ikut IMF, walaupun tiada apa-apa pembayaran dibuat oleh kerajaan, perbezaan harga (kos lepas / opportunity cost) ini juga harus dimasukkan dalam ‘perbelanjaan subsidi’.

Takrifan ini boleh dilihat dalam *Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan* di link ini <https://belanjawan.mof.gov.my/ms/>

Subsidi: Manfaat atau Mudarat

Pengenalan

Subsidi merupakan instrumen dasar yang penting bagi kebanyakan negara dari perspektif ekonomi, sosial dan politik. Istilah subsidi berasal daripada perkataan Latin *subsidium* yang bermaksud sokongan, bantuan, pertolongan dan perlindungan (Steenblik, 2007). Subsidi adalah pemindahan sumber daripada kerajaan kepada entiti domestik tanpa pulangan setara dalam pelbagai bentuk termasuk pemberian langsung, insentif cukai atau terma pembiayaan yang menguntungkan (Van Heuvelen, 2023). Menurut World Trade Organisation, subsidi ditakrifkan sebagai sumbangan kewangan oleh kerajaan yang memberi manfaat kepada penerima. Subsidi yang diberikan kepada pengeluar atau pengguna merupakan satu bentuk pindahan bayaran. Berbeza dengan perbelanjaan, subsidi tidak menjana nilai tambah secara langsung (Hamid et al., 2012).

Takrifan subsidi yang luas perlu bagi menggambarkan pelbagai bentuk intervensi kerajaan secara tersurat dan tersirat. Secara amnya, IMF mengklasifikasikan subsidi berdasarkan tujuh kategori berikut:

- (i) subsidi tunai - bayaran terus kerajaan kepada pengeluar atau pengguna;
- (ii) subsidi kredit - subsidi ke atas faedah atau pinjaman mudah;
- (iii) subsidi cukai - pengurangan tanggungan cukai tertentu;
- (iv) subsidi ekuiti - penyertaan ekuiti kerajaan;
- (v) **subsidi berbentuk barang - peruntukan kerajaan bagi barang dan perkhidmatan pada harga di bawah pasaran;**
- (vi) subsidi perolehan - pembelian barang dan perkhidmatan oleh kerajaan pada harga melebihi pasaran; dan
- (vii) subsidi kawal selia - pembayaran tersirat melalui kawal selia kerajaan yang mengubah harga pasaran atau lebihan.

4) Sekiranya Kerajaan menggunakan definisi subsidi IMF untuk masukkan ‘kos lepas’ / ‘opportunity cost’ dalam pembelanjaan subsidi, maka persoalannya berapakah pembayaran sebenar yang kerajaan buat kepada syarikat-syarikat minyak bagi menstabilkan harga petrol, diesel dan gas dalam pasaran tempatan?

*Disediakan oleh Anas Abd Jalil
Studio YB Viral*